

05/10/2003

AS pembohong besar (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pemimpin Barat tidak akan mengakui kesalahan dan kesilapan mereka walaupun laporan awal Ketua Pemeriksa Senjata Amerika Syarikat (AS), David Kay menunjukkan tiada senjata pemusnah di Iraq.

Perdana Menteri berkata, laporan berkenaan menunjukkan AS dan Britain melakukan satu pembohongan besar dan sanggup menghancurkan sebuah negara hanya berdasarkan bukti yang rapuh sebelum ini.

"Di Jepun, kalau mereka melakukan kesalahan, mereka buat harakiri (bunuh diri) tetapi orang Barat mempunyai sikap berlainan.

"Biarpun mereka salah, mereka tidak akan mengaku kesalahan mereka itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara raptai sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke 10, di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, semalam.

Beliau ditanya pemberita mengenai laporan awal terhadap bukti yang dikumpulkan kumpulan 1,200 pakar senjata yang diketuai Kay, yang mendapati Iraq tidak mempunyai keupayaan untuk menghasilkan senjata kimia atau nuklear.

Perdana Menteri berkata, masyarakat antarabangsa mungkin tidak boleh menghukum tindakan kejam AS dan Britain, tetapi apa yang diharapkan supaya rakyat di negara itu sendiri mengambil iktibar mengenai pembohongan itu, dalam memilih pemimpin mereka pada masa depan.

"Dulu mereka kata, dalam masa 45 minit Britain boleh diserang dengan senjata pemusnah (Iraq). Ini pembohongan besar. Saya tak percaya mereka tak tahu (yang Iraq tidak memiliki senjata pemusnah).

"Kalau pun mereka syak, sepatutnya mereka beri peluang kepada Hans Blix (ketua pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menjalankan siasatan penuh," katanya.

Ditanya mengenai pendirian Malaysia dalam usaha pembangunan semula Iraq, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan terbabit sama sehingga PBB mengambil alih sepenuhnya Iraq.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, Pas sekali lagi menabur fitnah apabila mendakwa Kerajaan Pusat hanya memperjuangkan Islam yang diklonkan dan bukan Islam sejati menurut kehendak sebenar.

Beliau berkata, dunia sudah mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam termasuk 1.3 bilion umat Islam sejagat yang memuji negara ini serta menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh.

"Dalam Islam, orang yang fitnah adalah lebih dahsyat daripada orang yang membunuh. Adalah dilarang bagi umat Islam untuk melempar fitnah, tetapi Pas sekarang buat fitnah lagi.

"Dunia sudah melihat Malaysia sebagai negara Islam contoh. Ini politik parti Pas lah. Politik mereka bukan Islam kerana kalau Islam, sudah lama mereka mengaku kita betul," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kelmarin, yang mendakwa pemimpin yang memerintah negara ini tidak mengutamakan Islam, sebaliknya urusan lain.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat tidak akan mempedulikan dakwaan Pas itu kerana ia hanyalah mainan politik parti pembangkang berkenaan.